

# Hadiri ASEANAPOL Ke-39 di Viet Nam

Siaran Akbar dan Foto :  
Pasukan Polis Diraja Brunei

VIET NAM, Khamis, 26 September. - Pesuruhjaya Polis, Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB), Dato Paduka Seri Awang Haji Mohammad Irwan bin Haji Hamzah bersama delegasi telah hadir ke Persidangan Ketua Polis Negara-Negara ASEAN (ASEANAPOL) kali Ke-39 di Melia Hotel, Hanoi Viet Nam.

Persidangan yang berlangsung pada 16 sehingga 20 September 2019 itu membawa tema "Honoured by Partnership, Sustained by Unity" (Dihormati oleh Perkongsian, Dikekalikan oleh Perpaduan) dan telah menghimpunkan Ketua-ketua Polis dari Negara Anggota ASEAN, iaitu Brunei Darussalam, Kemboja, Indonesia, Laos, Malaysia, Myanmar, Filipina, Singapura, Thailand dan Viet Nam.

Ketua-Ketua Delegasi Rakan Dialog itu dihadiri oleh Australia, China, Jepun, Korea, New Zealand, Rusia, Turkey, ASEAN Sekretariat, Europol dan INTERPOL.

Manakala, Para Pemerhati ASEANAPOL iaitu Fiji, Timor Leste, Agenzia Jenayah Kebangsaan United Kingdom, Persekutuan Biro Siasatan (FBI) United States, Jawatankuasa Antarabangsa Palang Merah (ICRC) dan Pertubuhan



**PESURUHJAYA Polis, Pasukan Polis Diraja Brunei, Dato Paduka Seri Awang Haji Mohammad Irwan bin Haji Hamzah (kiri) semasa bergambar ramai bersama Ketua-Ketua Polis Negara-negara ASEAN pada Majlis Penutup Persidangan Ketua Polis Negara-Negara ASEAN (ASEANAPOL) Ke-39 di Melia Hotel, Hanoi, Viet Nam.**

Antarabangsa Ketua-ketua Polis (IACP).

Semasa persidangan tersebut, PPDB telah menyerahkan tugas Pengerusi dan Tuan Rumah

ASEANAPOL seterusnya kepada The Office of Investigation Police Agency, Viet Nam.

Selaku Pengerusi dan Tuan Rumah ASEANAPOL sebelum

ini, Pesuruhjaya Polis, PPDB telah membentangkan perkara-perkara yang telah dicapai semasa Persidangan Ketua Polis Negara-Negara ASEAN Ke-38 yang telah berlangsung di Negara Brunei Darussalam pada tahun 2018.

Ini termasuklah penandatanganan komuniti bersama ke-38 (38th Joint Communique) serta bersetuju dengan cadangan baharu dan resolusi yang diterima pakai merangkumi 14 topik yang mempunyai kepentingan bersama.

Di sepanjang menjadi Pengerusi dan Tuan Rumah ASEANAPOL, PPDB juga telah mengendalikan dengan jayanya beberapa permesyuaratan berkaitan seperti 35th ASEANAPOL Database System Technical Committee (ADSTC), 9th ASEANAPOL Training Cooperation Meeting

(ATCM), 3rd ASEANAPOL Forensic Science Network Annual Meeting (AFSN) serta 28th Joint ASEAN Senior Police Officers' Course (JASPOC) di negara ini.

Turut dibincangkan di dalam persidangan berkenaan ialah galakan kerjasama dalam kalangan negara-negara ASEAN dalam membanteras dan mencegah jenayah melibatkan jenayah keganasan, jenayah pemerdagangan manusia, dadah, jenayah kewangan dan perbankan, jenayah siber dan beberapa isu lagi.

Pada akhir persidangan, PPDB turut menghadapkan pencalonan bagi mengisi jawatan selaku Pengarah Perancangan dan Program di bawah kelolaan Sekretariat ASEANAPOL serta penetapan negara Kemboja selaku tuan rumah ASEANAPOL kali Ke-40 pada tahun hadapan.

## UNISSA terima kunjungan Da'ie Indonesia



**REKTOR Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Dr. Awang Haji Norafan bin Haji Zainal (kanan) menyampaikan cenderahati kepada da'ie dari Republik Indonesia, Ustaz Abdul Somad.**

Siaran Akbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 26 September. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) menerima satu penghormatan dengan kunjungan Ustaz Abdul Somad, seorang da'ie yang bukan sahaja dikenali di Republik Indonesia malah juga di rantau ini, termasuk Negara Brunei Darussalam.

Perjumpaan singkat ini diadakan di Bilik Senate, UNISSA.

Hadir mengalukan kunjungan beliau ialah Rektor UNISSA, Dr. Awang Haji

Norafan bin Haji Zainal bersama Pegawai-pejawai Eksekutif dan Pegawai-pejawai Utama universiti berkenaan.

Pada perjumpaan itu, Dr. Awang Haji Norafan mengucapkan berbanyak terima kasih atas kunjungan tersebut dan merupakan satu penghormatan yang tinggi daripada seorang ulama yang unggul.

Kunjungan ini sudah tentu akan membawa berkah dan sebagai platform untuk pelaksanaan kegiatan bersama Ustaz Abdul

Somad pada masa akan datang dalam menyuntik semangat kepada seluruh warga UNISSA.

UNISSA juga melahirkan penghargaan kepada pihak pengajar, Dayang Nur Khadijah binti Haji Ismail, usahawan tempatan yang telah memberi peluang kepada UNISSA untuk bersua muka dengan Ustaz Abdul Somad.

Dalam perjumpaan tersebut, Rektor UNISSA menerangkan serba sedikit mengenai program-program yang ditawarkan, keramaian penuntut dan pencapaian UNISSA dalam usianya yang baru menjangkau 14 tahun.

Dalam ucapan balasnya, Ustaz Abdul Somad menyatakan tentang perasaan teruja berkunjung ke UNISSA, apalah lagi nama UNISSA sering disebut dan mempunyai alumni di luar negara. Beliau mengakui bahawa sering menerima tawaran untuk berkunjung ke UNISSA sebelumnya akan tetapi disebabkan beberapa halangan maka kunjungan tersebut terpaksa ditangguhkan.

Beliau juga merasa kagum dengan penubuhan Pusat Penyelidikan Mazhab Syafi'i yang terdapat di UNISSA, yang mana ia mengukuhkan lagi Pegangan Mazhab Syafi'i bukan hanya setakat di Brunei Darussalam, malah juga akan berkembang ke dunia global.

Menurut beliau, UNISSA akan terus menjadi kubu utama dalam mempertahankan kesucian agama Islam di Nusantara ini.

Perjumpaan diakhiri dengan penyampaian cenderahati kepada da'ie tersebut.

## Wanita asing dicekup

Siaran Akbar : Pasukan Polis Diraja Brunei

**BERAKAS, Khamis, 26 September. - Risikan dan pemantauan yang dijalankan oleh keanggotaan Unit Penumpasan Perjudian dan Pencegahan Maksiat, Jabatan Siasatan Jenayah, Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) berjaya mematahkan kegiatan tidak bermoral, iaitu menawarkan khidmat seks yang dijalankan oleh seorang wanita warga asing.**

Pada operasi serbuan tersebut, PPDB berjaya menahan seorang wanita warganegara Viet Nam bernama Tran Lam Linh, berumur 27 tahun dan telah berada di negara ini sejak 16 September 2019 menggunakan pas perlawatan.

Wanita tersebut telah menjadikan sebuah hotel di kawasan Anggerik Desa, Jalan Berakas sebagai lokasi untuk menjalankan kegiatan tersebut.

Hasil serbuan juga menemukan barang-barang bukti bagi tujuan penyiasatan dan pendakwaan seperti minyak pelincir, beberapa kepingan kondom serta wang

tunai yang dipercayai hasil daripada khidmat yang diberikan.

Siasatan juga mendapati kegiatan tidak bermoral itu dilakukan menggunakan aplikasi WeChat untuk mendapatkan pelanggan-pelanggan suspek dengan taruhan harga BND100.

Suspek dan barang rampasan dibawa ke Jabatan Siasatan Jenayah untuk siasatan lanjut.

Kes tersebut kini disiasat di bawah Seksyen 294A kesalahannya menawarkan khidmat seks, Kanun Hukuman Jenayah Penggal 22 yang membawa hukuman denda tidak kurang BND500 dan tidak melebihi BND5,000 dan juga penjaran yang boleh mencapai tempoh satu tahun.

Usaha sentiasa dikerah dan ditanai oleh PPDB dalam menjalankan tanggungjawab yang dipulih bagi tujuan membersihkan negara ini daripada segala gejala-gejala negatif dan kegiatan yang boleh meruntuhkan dan merosakkan maruah diri, nilai tamadun dan nama baik negara.